

### 3.0 Syarat Penggunaan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

#### 3.1 Syarat Am Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

- i. Sijil ini dikeluarkan berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh Pemohon/ Syarikat semasa permohonan.
- ii. Sijil ini tidak boleh digunakan sebagai perakuan bagi memulakan/ mengakujaji untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Sijil ini hanya boleh digunakan untuk menyertai perolehan kerja Kerajaan atau agensi yang berkaitan dengan kerajaan sahaja.
- iii. Sijil ini akan terbatal dengan sendirinya jika Perakuan Pendaftaran Kontraktor telah tamat tempoh sah laku atau dibatal/ditarik balik/digantung menurut Peraturan 15, Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995.
- iv. Sijil ini hendaklah dikemukakan bersama-sama Perakuan Pendaftaran Kontraktor semasa menyertai tender kerja Kerajaan atau agensi yang berkaitan dengan kerajaan sahaja.
- v. Sijil ini hendaklah diperbaharui bersama-sama dengan Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
- vi. Perubahan oleh syarikat/pemegang sijil yang boleh menjejaskan pematuhan syarat kelayakan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan akan menyebabkan sijil ini terbatal.

### 3.2 Had Nilai Perolehan Kerja Kerajaan

Had nilai perolehan kerja Kerajaan untuk kerja-kerja bangunan / awam / mekanikal/ elektrik dan fasiliti adalah seperti yang dinyatakan didalam Jadual L.

Jadual L - Had Nilai Perolehan Kerja Kerajaan  
(Bangunan/Awam/Mekanikal/Elektrikal/Fasiliti)

<b>GREd</b>	<b>HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (Bangunan/ Awam/ Mekanikal) (RM)</b>	<b>HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (Elektrik) (RM)</b>	<b>HAD NILAI PEROLEHAN KERJA (Fasiliti) (RM)</b>
<b>G1</b>	<b>200,000.00 dan ke bawah</b>	<b>Sehingga 200,000.00</b>	<b>-</b>
<b>G2</b>	<b>200,001.00 hingga 500,000.00</b>	<b>Sehingga 500,000.00</b>	<b>-</b>
<b>G3</b>	<b>500,001.00 hingga 1,000,000.00</b>	<b>Sehingga 1,000,000.00</b>	<b>-</b>
<b>G4</b>	<b>1,000,001.00 hingga 3,000,000.00</b>	<b>200,001.00 hingga 3,000,000.00</b>	<b>Sehingga 3,000,000.00</b>
<b>G5</b>	<b>3,000,001.00 hingga 5,000,000.00</b>	<b>200,001.00 hingga 5,000,000.00</b>	<b>3,000,001.00 hingga 5,000,000.00</b>
<b>G6</b>	<b>5,000,001.00 hingga 10,000,000.00</b>	<b>200,001.00 hingga 10,000,000.00</b>	<b>5,000,001.00 hingga 10,000,000.00</b>
<b>G7</b>	<b>Melebihi 10,000,000.00</b>	<b>200,001.00 dan ke atas</b>	<b>Melebihi 10,000,000.00</b>

### 3.3 Kawasan Operasi

#### 3.3.1 Kerja Tender

**a) Diseluruh Negara:**

- i) Gred G7, G6, G5 dan G4
- ii) Gred G3, yang bertaraf Bumiputera

**b) Di Negeri Berdaftar Sahaja :**

- i) Gred G3 (bukan bertaraf Bumiputera)

### 3.3.2 Kerja Sebutharga

- i) Gred G2 (Negeri)
- ii) Gred G1(Taraf Bumiputera) di daerah didaftarkan

### 3.3.3 Kerja Undi dan 'Requisition'

Gred G1 Bumiputera dalam kawasan pentadbiran atau wilayah yang didaftarkan seperti di **Jadual M**.

Jadual M - *Kawasan Operasi*

JENIS PEROLEHAN	KAWASAN OPERASI	GREED
Tender	Di Seluruh Negara	* Gred G7, G6, G5 dan G4 * Gred G3 (Taraf Bumiputera)
	Di Negeri Berdaftar	Gred G3
Sebutharga	Di Daerah di Daftarkan	Gred G1
	Di Negeri Berdaftar	Gred G2
Kerja Undi & 'Requisition'	Di Daerah di Daftarkan	Gred G1

### 3.3 Penama Dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Penama SPKK adalah senarai nama individu yang dipamerkan di atas SPKK dan hanya individu yang dinamakan tersebut sahaja dibenarkan untuk terlibat dalam pengurusan / hal ehwal tender/ kontrak. Syarat-syarat Penama SPKK:

- i. Hanya pegawai-pegawai syarikat yang dinamakan di dalam SPKK dibenarkan untuk menandatangani dokumen kontrak syarikat dan mengambil dokumen tawaran.
- ii. Hanya Penama-penama dalam sijil yang boleh menghadiri lawatan tapak bagi Kerja Undi, Sebut Harga dan Tender.
- iii. Penama mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia
- iv. Sekiranya pekerja syarikat dilantik sebagai Penama SPKK, pekerja tersebut perlu mempunyai caruman kwsp/ socso bagi membuktikan beliau bekerja disyarikat tersebut.
- v. Maksimum 5 penama sahaja dibenarkan untuk satu SPKK.
- vi. Seorang Penama hanya boleh mempunyai satu syarikat sahaja yang memiliki SPKK yang masih sah pendaftaran.